

Lapan kampung dilanda banjir kilat

Kejadian disifatkan terburuk dalam tempoh tiga tahun

Anggota JPAM membersihkan lumpur akibat banjir tersebut.

NORAFIZA JAAFAR

BATU CAVES - Hujan lebat dari jam 5 petang kelmarin mengakibatkan rumah beberapa penduduk yang tinggal di jajaran sungai batu di sini dinaiki air sehingga paras kira-kira tiga meter.

Limpahan air sungai deras itu turut menyebabkan dua jambatan iaitu yang menghubungkan Kampung Nakhoda dengan Wira Damai dan jambatan Puteri Laksamana runtuh.

Dianggarkan sebanyak 200 keluarga membabitkan lapan kawasan iaitu Kampung Nakhoda, Kampung Laksamana, Sungai Kertas, Sungai Tua Gantian, India Settlement, Kampung Melayu, Kampung Arab dan Mahkota terlibat dalam banjir lumpur yang dianggap terburuk dalam tempoh tiga tahun itu.

Penduduk Kampung Nakhoda, Rosni Mohd Ali berkata, dalam tempoh setahun, dua kali rumahnya dinaiki air melibatkan kejadian awal tahun dan kelmarin.

"Hujan lebat menyebabkan air naik sehingga kira-kira dua meter dan melepasi tembok pengadang dipasang setinggi satu meter.

"Banyak barang dan perkakas rumah gagal diselamatkan kerana hujan lebat turut gangguan bekalan elektrik dan air yang laju menyebabkan kami bergegas menyelamatkan diri," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurutnya, limpahan air sungai itu berkemungkinan berpunca dari air empangan yang dilepaskan serta merta dan membawa air deras ke bawah.

Sementara itu, Hawa Abdullah berkata, sewaktu kejadian, dia ber-

sama ahli keluarga lain berada di rumah dan tidak menyangka hujan lebat akan disusuli dengan kenaikan air sehingga memasuki kawasan rumah.

"Setiap kali hujan lebat, biasanya rumah akan dinaiki air memandang jaraknya terlalu hampir dengan sungai namun kejadian kelmarin antara terburuk pernah berlaku.

"Sungai gagal menampung air hujan setiap kali berlakunya hujan lebat dan berharap penyelenggaraan sungai dapat dilakukan seperti mendalamkannya serta memasang dinding konkrit," katanya.

Hawa berkata, dia berharap supaya kejadian kelmarin dapat dijadikan pengajaran dan pihak bertanggungjawab mengambil tindakan segera ekoran ramai penduduk meng-



Mohd Fuad (kiri) melawat projek naik taraf sungai di bawah 'River of Life' di Kampung Laksamana, semalam.

alami kerugian dan tidak mendapat sebarang pampasan.

Anggota Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) dari daerah Sentul dan Dang Wangi dengan kekuatan seramai 20 orang bergegas ke tempat kejadian bagi membantu penduduk.

Anggota Bomba dan Penyelamat turut tiba dengan tiga jentera selepas menerima laporan sekitar jam 7.30 apabila kebanyakan barang milik penduduk dihanyutkan air.



Penduduk segera membersihkan rumah masing-masing selepas hujan reda malam kelmarin.

Masalah bersih tanah lumpur

Dianggarkan 20 penduduk Sungai Kertas berdepan masalah bagi membersihkan tanah lumpur selepas banjir kilat disebabkan tekanan air rendah sejak jam 10 malam hingga 10 pagi.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP) Sungai Kertas, Roslan Ahmad berkata, terdapat penduduk yang membersihkan rumah sehingga jam 3 pagi kerana air perlahan melambatkan kerja pembersihan dilakukan.

"Tidak kurang juga ada terpaksa tidur dalam rumah berlumpur.

"Rata-rata penduduk hanya dapat membersihkan lumpur sekitar jam 10 pagi semalam, apabila tekanan air kembali normal," katanya.

Penghulu Mukim Batu, Gombak Zamani Mohd Karulani pula berkata, hujan lebat malam kelmarin menyebabkan dua keluarga di Tanah Gantian dipindahkan ke dewan selepas rumahnya yang terletak di rizab sungai tidak selamat diduduki.

Katanya, selain itu anggota bomba turut membantu penduduk di Kampung Laksamana apabila sebuah kereta dihanyutkan air deras.

Menurutnya, justeru beliau memohon supaya kolam takung-

an berhampiran sebuah projek di sini dapat segera dibina.

"Pembersihan kawasan pembangunan rizab sungai terutamanya membabitkan berhampiran Sungai Udag diharapkan dapat dibersihkan kerana tidak selamat diduduki selain menyukarkan kerja pembersihan sungai.

"Kolam takungan Batu yang sedang dalam proses pembinaan juga diharapkan disegerakan supaya dapat menampung kuantiti air sekiranya hujan lebat," katanya.

Tarahan bukit faktor banjir

Pegawai Jabatan Pengairan dan Saliran, Ir Mohd Fuad Buang berkata, beberapa projek melibatkan kawasan tanah tinggi menyumbang kepada banjir kilat dan lumpur.

Menurutnya, beberapa projek perumahan yang sedang dijalankan juga tidak dilengkapi dengan kolam takungan yang turut menyumbang kepada masalah banjir kilat kepada penduduk di tanah rendah dan lembah.

Katanya, projek 'River of Life' dijalankan melibatkan Sungai Batu sejak awal tahun lalu dan mengambil masa dua tahun untuk siap serta bertujuan melancarkan pergerakan air.

Beliau berkata, bagaimanapun taburan hujan lebat sejak musim tengkujuh terutamanya kelmarin yang melebihi 60 mililiter menyebabkan paras air sungai naik sehingga enam kaki hingga memberikan kesan kepada rumah berhampiran sungai.

"Hujan lebat kelmarin menyebabkan air sungai naik sehingga 9 meter dari dasarnya iaitu peningkatan sehingga 2.4 meter daripada kebiasaannya.

"Air dari empangan terpaksa dilepaskan selepas paras air melebihi dari biasa menyebabkan air turun laju dan rumah penduduk menerima kesan," katanya.

Beliau berkata, terdapat usaha untuk mengalihkan sebarang pembangunan terutamanya melibatkan rumah penduduk di rizab sungai yang kini dalam proses pemantauan oleh pihak berwajib dan Pejabat Tanah Daerah.